

Harian Metro  
27 April 2011

# ITEX 11 pikat 12 negara

*Sebanyak 650 rekaan baru bakal dipamer*



>>Oleh Izlaily Nurul Ain  
Hussein  
am@hmetro.com.my

**P**AMERAN Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2011 (ITEX 11) pada 20 hingga 22 Mei ini, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dijangka menarik minat negara luar mencari pelabur tempatan untuk mengkomersialkan rekaan dan penemuan produk terbaru.

Pameran kali ke-22 itu menarik penyertaan lima lagi negara menjadikan 13



**DR AUGUSTINE...**lebih banyak rekaan baru.

penyertaan termasuk Malaysia, berbanding sembilan negara tahun lalu.

Presiden Persatuan Reka Cipta dan Reka Bentuk Malaysia (Minds), Tan Sri Emeritus Dr Augustine S H Ong, berkata pertambahan penyertaan itu memperlihatkan pereka daripada negara luar berminat mencari pelabur selain membantu pelabur tempatan mengembangkan perniagaan perkongsian.

"Tujuan utama pameran untuk mencari bakat terbaik dan menghubungkan mereka kepada pelabur yang berpotensi membantu mengkomersialkan rekaan baru mereka.

"Buat masa ini, masih belum ada perjanjian antara pelabur dan pereka, namun kita jangka pada pameran itu nanti, ramai pelabur akan hadir dan berminat dengan rekaan produk terbaru," katanya pada sidang media yang di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, kira-kira 650 rekaan baru akan dipamerkan meliputi 22 kategori antaranya, pertanian, automotif, kesihatan, ICT dan multimedia, rekaan industri, kelengkapan rumah, telekomunikasi, sukan dan permainan, percetakan dan pembungkusan, serta bioteknologi.

Augustine berkata, pameran

itu mendapat sambutan ramai kerana ia platform mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat selain menghubungkan mereka kepada entiti perniagaan secara langsung.

"Pameran terkemuka di Asia ini menggalakkan pembabitan generasi inovatif serta menggalakkan generasi muda di bawah usia 20 tahun mempamerkan hasil reka cipta mereka," katanya.

Sementara itu, Pameran Pereka Cipta Muda Asia turut diadakan dalam usaha memberikan pendedahan kepada peluang untuk mengkomersialkan 88 rekaan.

Minds turut berbesar hati kerana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi turut menyatakan bahawa pameran itu memperkenalkan dan menggalakkan generasi inovatif, setaraf dengan visi kerajaan dalam membangunkan sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Dalam tempoh sebulan sebelum pameran berlangsung, Minds masih membuka peluang kepada pereka cipta tempatan dan luar negara yang ingin menyertai pameran itu, selain mengharapkan peningkatan 10 peratus pengunjung berbanding 11, 650 orang tahun lalu.